

300 hadir majlis tahlil Tun Abdul Razak

Date: 15-01-2003

KUALA LUMPUR: Kira-kira 300 tetamu menghadiri majlis tahlil memperingati Allahyarham Tun Abdul Razak yang genap 27 tahun kembali ke rahmatullah yang diadakan di Dewan Taklimat Memorial Tun Abdul Razak, Jalan Perdana, di sini semalam.

Majlis yang diadakan setiap tahun itu dihadiri balu Allahyarham bekas Perdana Menteri, Toh Puan Rahah Mohd Noah, dua anaknya, Mohd Nizam dan Mohd Nazir, Pengerusi Yayasan Tun Abdul Razak, Tan Sri Abdullah Salleh serta Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Datuk Habibah Zon dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Pengasas Universiti Teknologi Mara, Tan Sri Arshad Ayob dan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah turut hadir.

Tun Razak yang dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Kampung Pulau Keladi, Pekan, Pahang adalah anak sulung kepada Hussein dan Teh Daud.

Bapa Pembangunan Malaysia yang juga seorang pintar ketika kecil, mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan menyambung pendidikan ke peringkat tinggi di Raffles College, Singapura.

Beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra pada 22 September 1970 hingga ke akhir hayatnya pada 14 Januari 1976.

Tun Razak banyak menyumbang kepada bangsa dan negara, antaranya melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1971, menubuhkan Barisan Nasional pada 1974, mengumumkan Laporan Razak pada Mei 1956 yang menjadi Dasar Pendidikan Negara dan salah seorang pengasas Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean).

(END) Source : Berita Harian